

**Permaisuri Agong Serah Sumbangan Raya Kepada Anak Yatim Kubang Pasu  
Bernama  
25 Julai, 2013**

JITRA, 25 Julai (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah berkenan menyampaikan sumbangan sempena sambutan Aidilfitri kepada 200 anak yatim daerah Kubang Pasu di sini Khamis.

Pada majlis itu di Kompleks Pentadbiran Kubang Pasu, Raja Permaisuri Agong menyampaikan sumbangan wang tunai, pakaian raya dan hamper makanan yang disediakan oleh Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Haminah (YASH).

Turut hadir isteri Menteri Besar Kedah Datin Norzieta Zakaria dan Setiausaha kerajaan negeri Datuk Mohd Puat Mohd Ali.

Terdahulu, anggota Lembaga Pengarah YASH Datuk Rosli Awang dalam ucapannya berkata sumbangan itu bertujuan menyuntik kegembiraan kepada anak-anak yatim meraikan Aidilfitri.

"YASH mahu anak-anak yatim yang tidak bernasib baik terbela dan dapat menyambut hari raya dengan pakaian baharu seperti rakan-rakan mereka yang lain," katanya.

Rosli berkata sumbangan itu adalah kesinambungan program YASH sebelum ini dan selari dengan tujuan penubuhannya bagi membantu golongan kurang berkemampuan.

Sementara itu, Nur Alyaa Husna Mat Rodzi, 12, berkata dia amat gembira terpilih menerima sumbangan itu.

"Saya tak beli lagi baju raya tahun ini. Syukur terima sumbangan daripada Raja Permaisuri Agong dan dapat ringan beban keluarga kerana ibu tidak bekerja", kata anak bongsu daripada enam beradik itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966081>